

SURAH BANGSA ROM



Surah: 30 Juzuk: 21 Bil. Ayat: 60

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Alif, Laam, Miim.
2. Orang Rom telah ditewaskan⁽¹⁾.
3. Di negeri (Baitul Maqdis) yang dekat sekali, dan mereka akan menewaskan lawan mereka setelah kekalahan itu⁽²⁾.
4. Dalam masa beberapa tahun lagi⁽³⁾. Bagi Allah jualah segala urusan (pertolongan) sebelum dan selepas berlakunya. Pada ketika berlakunya (kemenangan Rom) itu, orang yang beriman akan bergembira.
5. Dengan kemenangan yang diberikan Allah. Dia memberi kemenangan kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani.

1 iaitu Rom Timur yang berpusat di Konstantinopel.

2 Bangsa Rom adalah bangsa yang beragama Nasrani dan mempunyai kitab suci, manakala bangsa Parsi beragama Majusi yang menyembah api dan berhala. Kedua bangsa saling berperang. Ketika bangsa Rom kalah, kaum musyrikin Mekah menyambutnya dengan penuh kegembiraan sedangkan kaum muslimin bersedih. Kemudian turunlah ayat ini dan ayat yang berikutnya menerangkan bahawa bangsa Rom akan mendapat kemenangan dalam masa beberapa tahun lagi. Hal itu benar-benar terjadi. Ini membuktikan kebenaran nabi Muhammad s.a.w sebagai Rasul dan kebenaran al-Quran sebagai firman Allah s.w.t.

3 Tempoh masa antara kekalahan bangsa Rom (tahun 614-615) dan kemenangannya (tahun 622) ialah kira-kira tujuh tahun.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْأَمْرُ

عُلِّيَّاتُ الرُّومُ

فِي أَذْقَنَ الْأَرْضِ وَهُمْ مِنْ بَعْدِ غَلَبَتْهُمْ

سَيَغْلِبُونَ

فِي رَضْعِ سِينِينِ اللَّهُ أَكْلَمُ مِنْ قَبْلٍ وَمِنْ

بَعْدٍ وَيَوْمَ يُذْبَحُ الْمُؤْمِنُونَ

يَنَصِّرُ اللَّهُ يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ

أَعْزَزِنِيرُ الرَّحِيمُ

6. Demikianlah janji Allah. Allah tidak pernah mengubah janjiNya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.
7. Mereka hanya mengetahui perkara yang zahir daripada kehidupan dunia sahaja, dan mereka tidak pernah ingat untuk mengambil tahu tentang hari akhirat.
8. Tidakkah mereka berfikir tentang (kejadian) diri mereka. Allah tidak menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya itu melainkan dengan (tujuan) yang benar, dan pada masa yang tertentu? Sebenarnya ramai di antara manusia yang mengkufuri pertemuan dengan Tuhan mereka.
9. Tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara di muka bumi, lalu memerhatikan bagaimana kesudahan orang yang terdahulu daripada mereka? Orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri, dan telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang dilakukan oleh mereka. Mereka juga telah didatangi oleh para rasul dengan membawa bukti-bukti yang nyata (lalu mereka mendustakannya dan kesudahannya mereka dibinasakan). Allah tidak sesekali menzalimi mereka, tetapi mereka lah yang menzalimi diri sendiri.

وَعَدَ اللَّهُ لَا يُخْلِفُ اللَّهُ وَعْدَهُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ
الْأَنَاسِ لَا يَعْلَمُونَ ٦

يَعْلَمُونَ ظَاهِرًا فَإِنَّ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَهُمْ عَنِ
الْآخِرَةِ هُمْ غَافِلُونَ ٧

أَوَ لَا يَتَكَبَّرُونَ فِي أَنفُسِهِمْ قَاتَلَهُ اللَّهُ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحِقْ
وَأَجَلٌ مُسَمَّىٌ وَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ النَّاسِ
بِلِقَاءَ يَوْمَ رِيَاعَلَكُفُورُونَ ٨

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا لِكَفَّ
كَانَ عَقِيقَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَانُوا أَشَدَّ
مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثْأَرُوا الْأَرْضَ وَعَمَرُوهَا
أَكْثَرَهُمَا عَمَرُوهَا وَجَاءَهُمْ رُسُلُهُمْ
بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانَ اللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ
وَلَكِنَّ كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ٩

10. Akibat orang yang melakukan kejahanan itu ialah seburuk-buruk azab (di akhirat kelak), disebabkan mereka mendustakan ayat-ayat Allah dan sentiasa mempersendakannya.
11. Allah memulakan penciptaan seluruh makhluk, kemudian Dia mengembalikannya (hidup semula pada hari kiamat), kemudian kepadaNyalah kamu akan dikembalikan.
12. Pada hari berlakunya hari kiamat, orang yang berdosa akan diam membisu serta berputus asa.
13. Makhluk-makhluk yang mereka jadikan sekutu-sekutu Allah itu tidak ada satupun dapat memberi syafaat (melepaskan mereka daripada azab Allah), padahal mereka menjadi kufur dengan sebab makhluk-makhluk yang mereka sekutukan itu.
14. Pada hari berlakunya kiamat mereka akan berpecah-belah kepada kumpulan-kumpulan.
15. Adapun kumpulan orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka akan ditempatkan di taman syurga dalam keadaan gembira.
16. Sebaliknya kumpulan orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami serta mendustakan pertemuan hari akhirat, maka mereka akan berada dalam azab selama-lamanya.

ثُمَّ كَانَ عَيْنَةً لِّلَّذِينَ أَسْفَلُوا إِلَيْهَا سَوَاءٌ أَنْ
كَذَّبُوا بِعِيَاتِ اللَّهِ وَكَانُوا بِهَا يَسْتَهِنُونَ ١٥

اللَّهُ يَتَدَبَّرُ الْخَلْقَ فَرِيعَدُهُ وَرِئَاتِهِ تُرَجَّعُونَ ١٦

وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يَبْلِسُ الْمُجْرِمُونَ ١٧

وَلَمْ يَكُنْ لَّهُمْ مِنْ شُرَكَاءَ يَهْمِسُ شُفَعَاءُ
وَكَانُوا لِشَرِكَائِهِمْ كَفِيرِينَ ١٨

وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يَوْمَ ذِي يَقْرَبَوْنَ ١٩

فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
فَهُمْ فِي رَوْضَةٍ يُحَبُّونَ ٢٠

وَلَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِعِيَاتِنَا
وَلَقَائِي الْآخِرَةِ قَوْلَتِكَ فِي الْعَذَابِ
مُحْسِنُونَ ٢١

- 17.** Maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan pada waktu subuh.
- 18.** Allahlah yang berhak menerima segala pujian di langit dan di bumi, dan (bertasbihlah juga kepadaNya) pada waktu petang dan pada waktu zuhur.
- 19.** Dia mengeluarkan sesuatu yang hidup daripada benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati daripada sesuatu yang hidup, serta menghidupkan bumi selepas matinya, dan begitulah kamu akan dikeluarkan nanti (hidup semula dari kubur).
- 20.** Di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya (menghidupkan kamu semula) ialah Dia menciptakan kamu daripada tanah, setelah sempurna kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertebaran di muka bumi.
- 21.** Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmatNya ialah Dia menciptakan bagi kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu merasa tenang dan hidup mesra dengannya. DijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan bagi orang yang berfikir.

فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُسْمُونَ وَجِينَ تُصْبِحُونَ

وَلَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

وَعَشِيَّاً وَجِينَ تُظَهَرُونَ

يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيْتِ وَيُخْرِجُ الْمَيْتَ مِنَ الْحَيِّ
وَيُنْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَكَذَلِكَ تُخْرِجُونَ

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنَّ خَلَقَ كُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ
إِذَا آتَئْتُمْ بَشَرًا تَنَاهَى شُرُونَ

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنَّ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ
أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ
مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ
يَتَكَبَّرُونَ

- 22.** Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan kebijaksanaanNya ialah penciptaan langit dan bumi, serta perbezaan lidah (bahasa) dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan bagi orang yang berpengetahuan.
- 23.** Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kemurahan dan kasih sayangNya ialah tidurnya kamu pada waktu malam dan siang hari, serta usaha kamu mencari rezeki daripada kurniaanNya. Sesungguhnya semua itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan bagi orang yang mahu mendengar (peringatan).
- 24.** Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kebesaran dan kekuasaanNya, Dia memperlihatkan kilat untuk menakutkan kamu dan untuk memberi harapan (dengan turunnya hujan). Dia menurunkan hujan dari langit, lalu menghidupkan bumi selepas matinya dengan hujan itu. Sesungguhnya semua itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan bagi orang yang berfikir.
- 25.** Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan keluasan ilmu dan kekuasaanNya ialah berdirinya langit dan bumi dengan perintah

وَمِنْ أَيْتَهُ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَأَحْتَلُفُ الْسَّمَاءَ مَعَ الْأَرْضِ إِنَّ فِي
ذَلِكَ لِآيَاتٍ لِّلْعَالِمِينَ ﴿٢٣﴾

وَمِنْ أَيْتَهُ مَنَامُكُمْ بِاللَّيلِ وَالنَّهَارِ
وَأَبْيَقْتُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ
لِآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٢٤﴾

وَمِنْ أَيْتَهُ بِرِّيْكُمُ الْبَرَقَ حَوْفًا وَطَمَّا
وَيُنَزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَيُجِيءُ بِهِ الْأَرْضَ
بَعْدَ مَوْتِهَا إِنَّ فِي ذَلِكَ لِآيَاتٍ لِّقَوْمٍ
يَعْقِلُونَ ﴿٢٥﴾

وَمِنْ أَيْتَهُ أَنْ تَقُومَ السَّمَاءَ وَالْأَرْضُ
بِأَمْرِهِ فَإِذَا دَعَاهُ كُلُّ دَوْعَةٍ مِّنَ الْأَرْضِ إِذَا
أَنْشَأَهُنَّ حَرُونَ ﴿٢٦﴾

dan ketentuanNya. Akhirnya apabila Dia menyeru kamu dengan satu seruan (supaya kamu bangkit semula) dari bumi, kamu dengan serta merta keluar (dari kubur).

26. Seluruh makhluk di langit dan di bumi adalah milik Allah, masing-masing tunduk kepada peraturanNya.
27. Dialah yang memulakan kejadian semua makhluk, kemudian Dia mengembalikannya (hidup semula selepas mereka mati). Perlaksanaan itu amat mudah bagiNya. Dia mempunyai sifat yang tertinggi di langit dan di bumi, dan Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
28. Dia mengemukakan kepada kamu satu perumpamaan daripada keadaan diri kamu sendiri, iaitu: Relakah kamu jika sebahagian daripada hamba-hamba kamu menjadi rakan kongsi pada harta benda yang Kami telah rezekikan kepada kamu? Penerimaan kamu itu akan menjadikan mereka sama-sama berhak padanya, sehingga kamu tidak berani (menguruskan harta benda itu tanpa persetujuan) mereka, sebagaimana kamu tidak berani (melakukannya dengan rakan kongsi yang setaraf dengan) diri kamu? Demikianlah Kami jelaskan satu persatu kepada orang yang berfikir.

وَلَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلُّهُ لَهُ
قَاتِلُونَ ٢٦

وَهُوَ الَّذِي يَبْدِئُ الْخَلْقَ مِنْ يُعِيدُهُ وَهُوَ هُوَ
عَلَيْهِ وَلَهُ الْمَنْتَلُ الْأَعْلَى فِي السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ وَهُوَ أَعْزَيزُ الْحَكِيمُ ٢٧

ضَرَبَ لَكُمْ مَثَلًا مَنْ أَنْفَسَ كُلُّهُ
لَكُمْ مِنْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِنْ
شُرَكَاءَ فِي مَا رَأَقْنَ كُمْ فَإِنَّمَا فِيهِ
سَوَاءٌ مَا تَخَافُوهُمْ كَحِيلَةٍ كُمْ أَنْفَسَ كُمْ
كَذَلِكَ فَصَلُ الْآيَتِ لِقَوْمٍ يَعْقُلُونَ ٢٨

29. Orang yang zalim itu mengikut hawa nafsu mereka (melakukan syirik) tanpa berpandukan pengetahuan. Maka tiada sesiapa yang dapat memberikan hidayah kepada orang yang telah disesatkan oleh Allah, dan tiada sesiapa yang dapat menolong mereka.

30. Maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh daripada kesesatan, agama Allah yang difitrahkan⁽¹⁾ bagi manusia menerimanya. Tidak patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

31. Hendaklah kamu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) sentiasa bertaubat kepada Allah dan bertakwalah kepadaNya serta dirikanlah solat dengan sempurna dan janganlah kamu menjadi daripada golongan orang musyrik.

32. Iaitu orang yang memecahbelahkan fahaman agama mereka mengikut kecenderungan masing-masing serta berpuak-puak. Setiap puak bergembira dengan apa yang ada padanya (daripada fahaman dan amalan yang terpesong itu).

1. Manusia diciptakan Allah s.w.t mempunyai fitrah (naluri) untuk beragama dengan agama tauhid.

بِلَّ أُتَّسَعَ الَّذِينَ ظَلَمُواْ أَهْوَاءَهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ
فَمَن يَهْدِي مَنْ أَخْلَى اللَّهُ وَمَا لَهُ مِنْ
نَّصِيرٍ ﴿٣١﴾

فَأَقْرَبَ وَجْهَهُكَ لِلَّذِينَ حَسِيقَأَ فِطْرَةَ اللَّهِ
الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ
ذَلِكَ الَّذِينَ الْقَيْمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

* مُبَيِّنَ إِلَيْهِ وَأَتَّقُوْهُ وَلَقِيمُوا الصَّلَاةَ
وَلَا تَكُوْنُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٣٣﴾

مِنَ الَّذِينَ قَرُوْدَيْهُمْ وَكَانُوا شِيعًا
كُلُّ حُزْبٍ بِمَا لَدُّهُمْ فَرَحُونَ ﴿٣٤﴾

- 33.** Apabila manusia ditimpa oleh sesuatu bahaya, mereka segera berdoa kepada Tuhan mereka dalam keadaan bertaubat kepadaNya. Kemudian apabila mereka diberi merasai sesuatu rahmat daripadaNya, tiba-tiba sebahagian daripada mereka mempersekitukan Tuhan mereka dengan sesuatu yang lain.
- 34.** Mereka mengkufuri nikmat-nikmat yang telah Kami berikan kepada mereka. Maka (dikatakan kepada mereka): «Bersenang-lenanglah kamu (buat sementara), nanti kamu akan mengetahui (balasan kederhakaan kamu)».
- 35.** Pernahkah Kami menurunkan kepada mereka sebarang keterangan, lalu ia menerangkan jalan yang membolehkan mereka melakukan perbuatan syirik itu?
- 36.** Apabila Kami memberi manusia merasai sesuatu rahmat, mereka bergembira dengannya (sehingga lupa daratan), dan jika mereka ditimpa sesuatu bencana disebabkan apa yang telah dilakukan oleh tangan mereka sendiri, mereka berputus asa.
- 37.** Tidakkah mereka melihat bahawa Allah melapangkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya (sebagai cubaan sama ada orang itu bersyukur atau sebaliknya), dan Dia juga yang menyempitkannya (sebagai

وَإِذَا مَسَّ النَّاسَ ضُرًّا فَعَوْزَأُتْهُمْ مُنِيبِينَ إِلَيْهِ
شُفَّاعًا إِذَا أَذَقْنَاهُمْ شَرًّا رَحْمَةً إِذَا فَرِيقْتُمْ
بِرَبِّهِمْ يُنِيبُونَ ﴿٢٣﴾

لِيَكُفُرُوا بِمَا أَتَيْنَاهُ فَتَمَّعِنُو فَسَوْفَ
تَعْلَمُونَ ﴿٢٤﴾

أَمْ أَنْزَلْنَا عَلَيْهِمْ سُلْطَانًا فَهُوَ يَتَكَلَّمُ بِمَا
كَانُوا بِهِ يَشْرِكُونَ ﴿٢٥﴾

وَإِذَا آذَقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً فَرُحِوانَهَا وَإِنْ تُصْبِحُهُمْ
سَيِّئَةً إِعْجَافَدَمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْنَطُونَ ﴿٢٦﴾

أَرَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ
وَيَقْدِرُ لِمَنْ فِي ذَلِكَ لَا كَيْدَ لِأَقْوَامٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٢٧﴾

ujian sama ada dia sabar atau tidak)? Sesungguhnya semua itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan bagi orang yang beriman.

- 38.** Maka (sebagai tanda syukur) berikanlah kepada saudara-maramu, orang miskin serta ibnul sabil⁽¹⁾ hak-hak mereka. Pemberian itu adalah lebih baik bagi orang yang mengharapkan keredaan Allah dan mereka itulah orang yang berjaya.
- 39.** (Ketahuilah bahawa) sesuatu tambahan (riba') yang kamu berikan untuk mengembangkan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan berkembang di sisi Allah. Sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka itulah orang yang mendapat pahala berganda-ganda.
- 40.** Allah jualah yang mencipta kamu, kemudian memberi rezeki kepada kamu, selepas itu Dia mematikan kamu, lalu menghidupkan kamu semula. Adakah di antara makhluk-makhluk yang kamu sekutukan dengan Allah itu dapat melakukan sesuatu daripada semua itu? Maha Suci Allah daripada apa yang mereka sekutukan.

فَقَاتِذَا الْقُرْبَى حَقَّهُ وَالْمُسْكِنَ وَأَنَّ
السَّيِّلَ دَلِكَ حَيْرٌ لِلَّذِينَ بُرِيدُونَ وَجَهَ
اللَّهُ وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٢٨﴾

وَمَا آتَيْتُ مِنْ رِبَّا لِرَبُّوْنَىٰ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ
فَلَا يَرْبُوْنَىٰ عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُمْ مِنْ زَكْوَافِ
تُرْبِيدُونَ وَجَهَ اللَّهُ فَأَوْلَئِكَ هُمُ
الْمُضْعِفُونَ ﴿٢٩﴾

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ كُلُّ شَرْقٍ كُلُّ غَربٍ يُمْسِكُ كُلُّ
يُخْبِي كُلُّ هَلٍ مِنْ شُرَكَاءِ كُلُّ مَنْ يَعْمَلُ
مِنْ ذَلِكُمْ مِنْ شَيْءٍ سُبْحَانَهُ وَعَلَى عَمَّا
يُشَرِّكُونَ ﴿٣٠﴾

1 iaitu orang asing yang sedang dalam musafir dan tidak memiliki biaya untuk kembali ke tanah airnya.

- 41.** Telah timbul pelbagai kerosakan dan bencana di darat dan di laut hasil perbuatan tangan-tangan manusia. Ini kerana Allah hendak membiarkan mereka merasai sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, semoga mereka kembali (insaf dan bertaubat).
- 42.** Katakanlah: «Mengembaralah kamu di muka bumi kemudian perhatikanlah bagaimana kesudahan orang yang telah lalu, kebanyakan mereka adalah orang musyrik».
- 43.** Maka hadapkanlah wajahmu (wahai Muhammad) ke arah agama yang lurus (Islam) sebelum datang daripada Allah suatu hari yang tidak dapat ditolak. Pada hari itu manusia akan berpecah (kepada dua golongan).
- 44.** Sesiapa yang kufur maka dialah sahaja yang menanggung bencana kekufurannya itu, dan sesiapa yang beramal soleh, maka mereka lah yang membuat persiapan untuk kesenangan diri mereka sendiri.
- 45.** Agar Allah membala orang yang beriman dan beramal soleh dengan kurniaaNya. Sesungguhnya Dia tidak suka kepada orang yang kufur.

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْأَرْضِ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبُتْ
أَيْدِي النَّاسِ لَيُذْيِقُهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

فَلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَنْقَبَةُ
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَانَ أَكْثَرُهُمْ مُشْرِكُونَ ﴿٤٢﴾

فَأَكْفِرُ وَجْهَكَ لِلَّذِينَ الْقَيْمِ من قَبْلِكَ أَنْ يَأْتِيَ
يَوْمًا لَمْرَدَهُ وَمِنَ اللَّهِ يُوَمِّدُ يَصْدَعُونَ ﴿٤٣﴾

مَنْ كَفَرَ فَعَاهَهُ كُفُورُهُ وَمَنْ عَمِلَ صَلَاحًا
فَلَا نَنْهَاهُمْ بِمَهَدُونَ ﴿٤٤﴾

لِيَجْرِيَ الَّذِينَ أَمْنَوْا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْ
فَضْلِهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْكُفَّارِينَ ﴿٤٥﴾

- 46.** Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan⁽¹⁾, supaya kamu dapat merasa sedikit daripada rahmatNya, dan supaya kapal-kapal belayar laju dengan perintahNya, dan juga supaya kamu dapat mencari rezeki daripada kurniaaNya, seterusnya semoga kamu bersyukur.
- 47.** Sesungguhnya Kami telah mengutuskan sebelummu (wahai Muhammad) para rasul kepada kaum masing-masing, lalu mereka membawa kepada kaumnya bukti-bukti yang nyata, kemudian Kami menyeksa orang yang melakukan kesalahan (mengingkarinya), dan sememangnya menjadi tanggungjawab Kami menolong orang yang beriman.
- 48.** Allahlah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan. Kemudian Allah menyebarluaskan awan itu di langit sebagaimana yang dikehendakiNya, dan menjadikannya berkelompok-kelompok, lalu engkau melihat hujan keluar daripada celah-celahnya. Maka apabila Allah menurunkan hujan itu menimpa

وَمِنْ أَيْتَهُمْ أَنْ يُرِسِّلَ الرِّيحَ مُبَشِّرًا
وَلَيَذِقُّ كُلُّ مَنْ رَحِمَهُ وَلَيَجْرِيَ الْفَلَكُ بِأَمْرِهِ
وَلَيَتَبَعُّ أُمَّةٌ فَضْلًا وَلَعَلَّكُمْ تَشَكُّرُونَ ﴿٤٧﴾

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ رُسُلًا إِلَى قَوْمَهُمْ
جَاءُوهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَانْتَهَمُوا مِنَ الَّذِينَ أَجْحَمُوا
وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا أَنْصُرُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٨﴾

اللَّهُ الَّذِي يُرِسِّلُ الرِّيحَ فَتُشَرِّبُ سَحَابَاتِهِ سُطْهُ
فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ وَمَمْعَلُهُ كِسَافَةِ قَرْبَى
الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خَلَالِهِ فَإِذَا أَصَابَ بِهِ مَنْ
يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ فَإِذَا هُوَ يَسْتَبِّشُونَ ﴿٤٨﴾

1 berita gembira yang dimaksudkan ialah awan yang tebal yang akan menurunkan hujan.

sesiapa yang dikehendaki daripada hamba-hambaNya, mereka serta merta bergembira.

49. Sesungguhnya sebelum diturunkan hujan kepada mereka, mereka adalah orang yang telah berputus asa.
50. Maka perhatikanlah kesan-kesan rahmat Allah, bagaimana Dia menghidupkan bumi selepas matinya. Sesungguhnya dengan kekuasaan sebegini, sudah tentu Dia berkuasa menghidupkan orang yang telah mati. (Ingatlah), Dia Maha Berkuasa ke atas setiap sesuatu.
51. Sekiranya Kami mengirimkan angin (menyerang tanaman) lalu mereka melihat tanaman itu menjadi kuning kekeringan, pastilah mereka selepas itu akan terus kembali kufur.
52. (Maka janganlah engkau bersedih wahai Muhammad), kerana sesungguhnya engkau tidak dapat menjadikan orang yang mati (hatinya) itu menerima ajaranmu dan tidak dapat menjadikan orang yang pekak itu mendengar seruanmu apabila mereka berpaling ke belakang.
53. Engkau tidak akan dapat memberi hidayah kepada orang yang buta (mata hatinya) supaya menjauhi kesesatan mereka, engkau juga tidak dapat memperdengarkan

وَإِن كَانُوا مِن قَبْلِ أَن يُنَزَّلَ عَلَيْهِم مِنْ قَبْلِهِ
لَمُؤْلِسِينَ ﴿٤٩﴾

فَانْظُرْ إِلَى مَا تَرَكَ رَحْمَتُ اللَّهِ كَيْفَ يُجْزِي
الْأَرْضَ بِمَا تَرَكَهَا إِنَّ ذَلِكَ لِمُحْكَمٍ
الْمَوْتَ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٥٠﴾

وَلَئِنْ أَرْسَلْنَا رِيحًا فَرَّقْدَ مُصْقَرًا طَلُونًا مِنْ
بَعْدِهِ يَكْفُرُونَ ﴿٥١﴾

فَإِنَّكَ لَا تُسْمِعُ الْمَوْتَ وَلَا تُسْمِعُ الصَّمَدَ
الْدُّعَاءَ إِذَا أَوْلَأْ مُدَبِّرِينَ ﴿٥٢﴾

وَمَآ أَنْتَ بِهِدَى الْعُمَىِ عَنْ ضَلَالِهِمْ إِنْ تُسْمِعُ
إِلَّا مَنْ يُؤْمِنُ بِعِيَاتِنَا فَهُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٥٣﴾

(seruanmu itu) melainkan kepada orang yang sedia beriman dengan ayat-ayat Kami, kerana mereka orang yang berserah diri (mengikut perintah).

54. Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah kemudian Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Dia menjadikan kamu lemah semula serta tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya, dan Dialah jua yang Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa.
55. Semasa berlakunya hari kiamat, orang yang berdosa akan bersumpah mengatakan bahawa mereka tidak tinggal (di dalam kubur) melainkan sekadar satu saat sahaja. Demikianlah mereka sentiasa dipalingkan (oleh fahaman sesat mereka daripada memperkatakan yang benar).
56. (Bagi menjawabnya) orang yang berilmu serta beriman berkata: «Sesungguhnya kamu telah tinggal sampai ke hari Kebangkitan, sepertimana yang terkandung dalam Kitab Allah⁽¹⁾. Maka inilah dia hari Kebangkitan itu, tetapi kamu daripada dahulu lagi tidak mahu mengetahui (kebenarannya)».
57. Maka pada hari itu tidak berguna lagi bagi orang yang zalim

*اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعَفٍ ثُمَّ جَعَلَ
مِنْ بَعْدِ ضَعَفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ
ضَعْفًا وَسَبَبَهُ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ
الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ ﴿٥٤﴾

وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يَقْسِمُ الْمُجْرُومُونَ
مَا لِتُؤْمِنُ سَاعَةً كَذَلِكَ كَانُوا
يُؤْفَكُونَ ﴿٥٥﴾

وَقَالَ الَّذِينَ أُولُوا الْعِلْمَ وَالْإِيمَانَ لَقَدْ
لَيَتَّمِمُ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِلَى يَوْمِ الْبَعْثَةِ فَهَذَا
يَوْمُ الْحُقُّ وَلَكِنَّكُمْ لَمْ تُؤْمِنُوا ﴿٥٦﴾

فِيَوْمٍ إِذَا يَنْفَعُ الَّذِينَ ظَلَمُوا مَعْذِرَتُهُمْ
وَلَا هُمْ يُسْتَعْتَبُونَ ﴿٥٧﴾

sebarang alasan mereka, mereka juga tidak diberi peluang untuk bertaubat.

58. Sesungguhnya Kami telah memberikan kepada manusia pelbagai kisah dan perumpamaan di dalam al-Quran ini, dan sesungguhnya jika engkau membawa kepada mereka sebarang tanda kekuasaan, sudah tentu orang kafir itu akan berkata: «Kamu ini tidak lain hanyalah orang yang membuat dakwaan palsu».
59. Demikianlah Allah mengunci hati orang yang tidak mau mengetahui (kebenaran).
60. Maka bersabarlah (wahai Muhammad), sesungguhnya janji Allah itu benar, janganlah orang yang tidak meyakini dengan apa yang engkau sampaikan itu menjadikan engkau gelisah.

وَلَقَدْ ضَرَبَنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ وَلَئِنْ جَعَلْتُهُ بِيَكِيرٍ لَيَقُولُواَ
الَّذِينَ كَفَرُواْ إِنَّ أَنْشِمَ الْأَمْبَطِلُونَ ٥٨

كَذَلِكَ يَطْبِعُ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِ الظَّاهِرِ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ٣٤

فَأَصِرْرَلَانَ وَعَدَ اللَّهُ حَقًّا وَلَا يَسْتَخْفَنَكَ
الَّذِينَ لَا يُوقِنُونَ ٦

